

2 personaliti tulis 2 buku dalam 2 bahasa...



USAHA SULUNG BERSAMA: Cik Rilla (kiri) dan Cik Sharon menyediakan dua buku bertajuk 'Baju Melayu Ati' dan 'Makan Time!', yang dilengkapi CD audio, khas buat kanak-kanak. Buku-buku mereka telah dilancarkan di SWF 2013 Sabtu lalu. – Foto TAUFIK A. KADER

Buku-buku karya personaliti media Sharon Ismail dan Rilla Melati Bahri dilancar sempena Pesta Penulis

► **NURUL 'AIN RAZALI**
 nrzali@sph.com.sg

KANAK-KANAK boleh bertutur dalam dua bahasa dengan cekap jika ia diperkenalkan dan dipupuk dalam diri mereka sejak kecil.

Bersandarkan kepercayaan itu, dua pendidik yang juga personaliti media, Cik Sharon Ismail dan Cik Rilla Melati Bahri, bersempitan mengajarkan bahasa Melayu dan Inggeris kepada anak-anak mereka.

Namun, mereka menghadapi masalah ketandusan bahan bacaan yang menampilkan budaya Singapura dalam dua bahasa tersebut.

Misalnya, tiada buku kanak-kanak berkisarkan pakaian tradisional atau kehidupan harian masyarakat negara ini, seperti makan di kedai kopi.

Daripada terus merintih, Cik Sharon dan Cik Rilla Melati berusaha mengisi ketandusan itu dan lahirlah dua karya dwibahasa.

Cik Sharon, 39 tahun, menghasilkan buku berbahasa Inggeris bertajuk *Makan Time!* yang diselitkan dengan terjemahan cerita dalam bahasa Melayu.

Cik Rilla, 40 tahun, pula menulis buku berbahasa Melayu bertajuk *Baju Melayu Ati*, yang diisi dengan terjemahan cerita dalam bahasa Inggeris.

Kerjasama buku dwibahasa pertama mereka itu dihasilkan oleh Mini Monsters Ltd, yang bernaung di bawah syarikat penerbitan program televisyen DuaM Pte Ltd.

Buku-buku tersebut telah pun dilancarkan Sabtu lalu di Pavilion Pesta Penulis Singapura (SWF) 2013, di lapangan hijau Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kedua-duanya dijual dalam satu pek berserta cakera padat (CD) audio kedua-dua buku pada harga \$39.90.

"Inilah cara memupuk kecekapan dwibahasa dalam kanak-kanak, iaitu menceritakan kisah-kisah budaya setempat agar pembelajaran bahasa dapat dikaitkan dengan budaya sini.

"Kita ada budaya sendiri. Kita makan nasi lemak, dan bukan skon (sejenis pastri Barat), waktu bersarapan.

"Buku saya pun diilhamkan daripada pengalaman saya sendiri menikmati mi rebus dan sate bersama arwah datuk saya, Haji Abu Bakar Ahmad, di Guillemard dan pasar lama Geylang," ujar Cik Sharon, seorang pensyarah di Politeknik Ngee Ann, ketika dihubungi kelmarin.

Cik Rilla Melati, yang juga merupakan ketua pegawai kreatif Mini Monsters, pula berkata: "Saya rasa lega. Akhirnya cita-cita saya mencipta sastera dwibahasa kanak-kanak berjaya. Karya ini lebih menyeluruh dan mudah digunakan kanak-kanak hari ini, yang sudah pun cekap berdwibahasa.

"Saya juga bangga kerana ini merupakan buku bergambar, dwibahasa dan lengkap dengan CD bagi kanak-kanak prasekolah yang pertama ditulis oleh penulis Melayu tempatan."

Menurutnya lagi, penghasilan buku-buku itu dibiayai Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew dan disokong Kementerian Pendidikan (MOE).

Menurut satu kenyataan Mini Monsters, ibu bapa dan anak-anak boleh memilih bahasa yang ingin dibaca dan saling merujuk antara dua bahasa dalam buku-buku tersebut bagi membina kosa kata.

Selain itu, kedua-dua buku menampilkan perihal budaya setempat, lantas membolehkan kanak-kanak memahami dunia yang mereka diami di sini.

Cik Sharon berharap anak-anak Melayu tidak melupakan bahasa ibunda mereka kerana ia sebahagian daripada identiti mereka.

"Walaupun sudah menyejagat, uniknya tentang kita ialah ciri kemelayuan. Lagipun, bahasa dan budaya tidak boleh dipisahkan," ujarnya.

"Saya rasa lega. Akhirnya cita-cita saya mencipta sastera dwibahasa kanak-kanak berjaya. Karya ini lebih menyeluruh dan mudah digunakan kanak-kanak hari ini, yang sudah pun cekap berdwibahasa. Saya juga bangga kerana ini merupakan buku bergambar, dwibahasa dan lengkap dengan CD bagi kanak-kanak prasekolah yang pertama ditulis oleh penulis Melayu tempatan."

– Cik Rilla Melati Bahri, ketua pegawai kreatif Mini Monsters, yang turut menghasilkan buku dwibahasa.